

Perlu data raya atasi kesesakan jalan raya

Oleh FITRI NIZAM

fitri.nizam@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia perlu membangunkan sistem data raya yang komprehensif bagi memahami secara menyeluruh punca dan dinamika kesesakan lalu lintas bagi mencari jalan penyelesaian berkesan terhadap masalah tersebut.

Langkah tersebut dianggap penting memandangkan isu kesesakan jalan raya di negara ini sudah melampaui sekadar kesulitan dihadapi rakyat untuk ke tempat kerja semata-mata, malah merangkumi implikasi luas dalam kalangan masyarakat, ekonomi dan alam sekitar.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr. Law Teik Hua berkata, kesesakan lalu lintas telah menjadi isu yang mendesak dan kompleks di bandar-bandar di Asia Tenggara, bahkan Kuala Lumpur baru-baru ini menduduki tempat keempat sebagai bandar paling sesak di rantau ini.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, Malaysia masih kekurangan data yang komprehensif mengenai kesesakan lalu lintas sekali gus menghalang formulasi penyelesaian berkesan dan mampan.

“Bagi menangani kesesakan lalu lintas secara berkesan, pendekatan pelaksanaan sistem data raya yang komprehensif adalah penting untuk memperoleh corak



Melaksanakan sistem pengurusan lalu lintas yang dikuasakan oleh kecerdasan buatan (AI) juga dapat mengoptimalkan mobiliti lalu lintas...”

lalu lintas dan tingkah laku pengguna jalan raya, memberi informasi untuk intervensi dasar yang diarahkan.

“Dengan mengumpul dan menganalisis data dari pelbagai sumber seperti sensor lalu lintas, sistem pengesanan global (GPS) serta penggunaan pengangkutan awam, pembuat dasar boleh mengenal pasti titik kesesakan, memahami tingkah laku perjalanan selain menilai keberkesanan infrastruktur sedia ada.

“Selain itu, melaksanakan sistem pengurusan lalu lintas yang dikuasakan oleh kecerdasan buatan (AI) juga dapat mengoptimalkan mobiliti lalu lintas tanpa pembangunan infrastruktur secara meluas.

“Sistem ini dapat menyesuaikan aliran lalu lintas dan waktu

isyarat berdasarkan keadaan sebenar, meningkatkan keberkesanan keseluruhan dan mengurangkan kelewatan yang disebabkan oleh kesesakan,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengulas lanjut, Teik Hua berkata, kesesakan jalan raya memberi kesan negatif terhadap kesihatan manusia, alam sekitar bahkan mengganggu-gugat kestabilan geopolitik tanah air yang akhirnya menjejaskan sektor ekonomi negara.

“Kesesakan lalu lintas memberi kesan kepada kesihatan manusia, memburukkan pencemaran udara dan mendedahkan individu kepada pelepasan karbon yang berbahaya. Pendedahan berpanjangan kepada pencemaran berkaitan lalu lintas telah dikaitkan dengan pelbagai masalah kesihatan termasuk penyakit saluran pernafasan, kardiovaskular malah kanser yang menjejaskan golongan rentan seperti kanak-kanak serta warga emas.

“Selain itu, tekanan dan depresi akibat berdepan jalan raya sesak boleh memberi kesan signifikan kepada kesejahteraan mental, menyebabkan peningkatan tahap kebimbangan, kemurungan dan secara keseluruhan mengurangkan kualiti hidup penduduk bandar,” katanya.

Jelasnya lagi, kesesakan lalu lintas mempunyai kesan alam sekitar yang signifikan kerana ia memburukkan pelepasan karbon dan menyumbang kepada perubahan iklim.